

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 MAY 2016

Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah bukan hukum hudud: PM

BH- 28/5/2016

(FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH)

➔ Cadangan dibentang di Dewan Rakyat bagi tingkat hukuman kesalahan

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Fahmy Azril Rosli
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menjelaskan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan) 2016 yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam, bukan hukum hudud.

Perdana Menteri berkata cadangan yang dibentangkan mengikut Rang Undang-Undang (RUU) Persendirian oleh Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu adalah untuk meminda undang-undang sedia ada bagi meningkatkan hukuman kesalahan yang dilakukan.

Katanya, apa yang dibentangkan Abdul Hadi hanya membabitkan peningkatan hukuman mengikut kaedah yang tertakluk dalam ajaran Islam.

"Misalnya, hukuman yang termaktub di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah seperti merotan perlu dilaksanakan mengikut kaedah dan cara Islam. Apabila ia mengikut kaedah Islam, hukuman rotan tidak akan men-



Najib pada majlis sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di PWTC, semalam. Hadir sama Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

cederakan si pesalah.

"Mereka (yang membantah) berpandangan bahawa dia membawa undang-undang hudud. Ia tiada kena mengena dengan orang bukan Islam. Jadi, saya nak terangkan bahawa pindaan itu tidak merupakan undang-undang hudud," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini, semalam.

Mengulas mengenai hudud, Najib berkata, ia bukan mudah dilaksanakan kerana perlu mendapat kelulusan Jabatan Agama Islam negeri, Majlis Raja-Raja dan

pindaan undang-undang di Parlimen.

Beliau berkata, dalam hal ini, UMNO juga terikat kepada kesepakatan dalam kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain.

Fikir kepentingan negara

"Prinsip tersebut adalah prinsip yang telah kita terima pakai, apa-apa yang nak dilakukan dalam negara kita, kita mesti fikir kepentingan negara keseluruhannya," katanya.

Beliau diminta mengulas tindakan Timbalan pengerusi MCA Ke-

dah, Datuk Dr Leong Yong Kong yang juga EXCO Kerajaan Negeri keluar parti susulan pembentangan usul persendirian itu.

Selain itu, MCA, MIC, GERAKAN dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dalam kenyataan bersama semalam membantah kerana mendakwa ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan terutama Perkara 8 yang jelas menyatakan semua orang adalah sama di sisi undang-undang.

Jurucakapnya, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang juga Presiden MCA, mendakwa jika diluluskan, akan wujud perbezaan daripada segi hu-

Info

Hukum Hudud

➔ **Diperjuangkan sejak** Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menjadi Menteri Besar Kelantan.

➔ **Pindaan** undang-undang diluluskan Sidang DUN Kelantan tahun lalu.

➔ **Kerajaan Pusat** tubuhkan Jawatankuasa Teknikal Peringkat Kebangsaan untuk bincang hudud secara lebih serius.

kuman terhadap pesalah bukan Islam dan yang beragama Islam, malah penduduk Kelantan yang beragama Islam juga mungkin tertakluk kepada undang-undang yang berbeza.

Katanya, beberapa parti komponen BN sudah menyatakan bantahan dalam mesyuarat Kabinet hari ini (semalam) dan kesal isu ini tidak dibincangkan terlebih dahulu dalam Kabinet atau Majlis Tertinggi BN.

Mereka juga kesal kerana RUU Persendirian itu diberi keutamaan berbanding urusan kerajaan lain di Dewan Rakyat.